A

Abdul Azeez bin Abdul Rahim lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO WA-44–225–12 TAHUN 2020
MUHAMMAD JAMIL H
12 MAC 2021

C

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Permohonan untuk mengetepikan dan membatalkan — Pemohon dituduh di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2019, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 — Sama ada pertuduhan detektif — Sama ada pertuduhan tidak berasas — Sama ada pendakwaan mala fide

D

Pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan tiga pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2019 ('Akta SPRM') dan sembilan pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFPUAA'). Pemohon tidak mengaku salah kepada semua pertuduhan dan minta dibicarakan. Pihak pendakwaan mengemukakan sembilan pertuduhan pindaan di bawah AMLATFPUAA dan satu pertuduhan tambahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Pemohon tidak mengaku salah kepada semua pertuduhan pindaan dan pertuduhan tambahan. Pemohon memfailkan notis usul memohon perintah-perintah berikut: (a) kesemua pertuduhan dan pendakwaan jenayah terhadap pemohon di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM dan s 4(1)(b) AMLATFA di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur diketepikan dan dibatalkan; (b) pemohon dilepaskan dan dibebaskan; atau (c) secara alternatifnya, penggantungan secara kekal prosiding Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur; dan (d) sebarang perintah-perintah/relif-relif lanjut yang difikirkan wajar dan suai-manfaat. Alasan-alasan permohonan ialah: (i) pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah detektif; (ii) pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah tidak berasas; dan (iii) pendakwaan terhadapnya adalah mala fide.

Diputuskan, menolak permohonan:

I

(1) Pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM tidak defektif. Tidak timbul isu *duplicity* atau *multiplicity*. Ia bukan kesalahan menerima suapan yang berasingan dan berlainan bagi setiap satu projek tersebut. Oleh itu, tiada pelanggaran s 163 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang memperuntukkan bahawa bagi setiap kesalahan yang berlainan,

pertuduhan berasingan perlu dibuat. Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA tiada kekaburan. Pertuduhan mematuhi kaedah-kaedah untuk merangka suatu pertuduhan sebagaimana diperuntukkan dalam ss 152 dan 153 KTJ. Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA tidak defektif. Kekurangan butiran sebagaimana dihujahkan pemohon hanya lebih kepada kesilapan dan ketinggalan bukan menjadikan pertuduhan defektif. Dan kesilapan dan ketinggalan itu tidak menyebabkan kegagalan keadilan. Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA telah memberi pemohon notis mencukupi perkara yang dia dipertuduhkan. Tiada lagi keperluan untuk menyatakan dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima. Seksyen 91A AMLATFPUAA membenarkan pertuduhan dibuat dengan menyatakan jumlah kasar berkenaan kesalahan itu tanpa menyatakan butiran terperinci atau tarikh tepat dengan syarat waktu yang termasuk antara tarikh pertama dan terakhir itu tidak melebihi dua belas bulan. Tiada asas untuk menyatakan bahawa pertuduhan kesepuluh menggabungkan dua kesalahan berlainan. Juga tiada keperluan untuk menyatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pertuduhan kesepuluh. Justeru tidak timbul isu pertuduhan kesepuluh adalah defektif. Oleh itu, pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA tidak defektif. Hujahan pemohon bahawa pertuduhan tersebut defektif adalah tanpa asas (lihat perenggan 19–21, 23, 25, 27, 29 & 32).

(2) Tidak boleh dikatakan bahawa wang dan Toyota Vellfire yang menjadi hal perkara pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA adalah berasal daripada sumber sah dengan hanya berdasarkan kepada dokumen semata-mata yang telah dibekalkan oleh pihak pendakwaan kepada pemohon di bawah s 51A KTJ. Keterangan dokumentar harus dilihat berdasarkan kes secara keseluruhan dan adalah salah untuk mahkamah menimbang dokumen tersebut secara satu-satunya. Adalah pramatang di peringkat ini untuk mahkamah memutuskan bahawa pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA tidak berasas. Oleh itu, alasan kedua tidak mempunyai merit (lihat perenggan 35–36 & 39).

(3) Pemohon tidak dapat menunjukkan bahawa pendakwaan terhadapnya adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwa raya telah menyalahguna kuasa budi bicaranya dan pendakwaan terhadap

pemohon dibuat secara mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwaan terhadap pemohon adalah merupakan suatu penganiayaan politik dan penindasan. Tidak boleh dikatakan bahawa pihak pendakwaan melakukan satu *witch hunt* untuk mengaitkan pemohon dengan sesuatu kesalahan supaya reputasinya terjejas. Pendakwaan terhadap pemohon bukan berdasarkan kepada undang-undang yang tidak wujud. Justeru tidak terdapat salah laksana keadilan, penyalahgunaan proses mahkamah mahupun sebarang penindasan (lihat perenggan 44–45 & 48).

(4) Kes ini bukan kes yang sesuai dan wajar bagi mahkamah melaksanakan kuasa sedia ada untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan terhadap pemohon dan pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Pemohon gagal membuktikan pendakwaan terhadapnya adalah mala fide, menindas dan suatu penyalahgunaan proses mahkamah (lihat perenggan 49).

[English summary

The applicant was charged in the Kuala Lumpur Sessions Court with three charges under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2019 ('the MACC Act') and nine charges under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the AMLATFPUAA'). The petitioner pleaded not guilty to all charges and asked to be tried. The prosecution filed nine amended charges under the AMLATFPUAA and one additional charge under the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 ('the AMLATFA'). The applicant pleaded not guilty to all of the amended and additional charges. The applicant filed a notice of motion seeking the following orders: (a) all charges and criminal prosecutions against the applicant under s 16(a)(A) of the MACC Act and s 4(1)(b) of the AMLATFA in the Kuala Lumpur Sessions Court were set aside and quashed; (b) the applicant to be acquitted and discharged; or (c) alternatively, a permanent stay of the proceedings of the Kuala Lumpur Sessions Court; and (d) any further orders/reliefs deemed appropriate and expedient. The grounds for the application were: (i) the charges against him were detective; (ii) the charges against him were baseless; and (iii) the prosecution against him was mala fide.

Held, dismissing the application:

(1) The first charge under the MACC Act was not defective. There were no issues of duplicity or multiplicity. It was not a separate and distinct offense to accept bribe for each of the project. Therefore, there was no violation of s 163 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') which provided that for each different offense, a separate charge must be made. The first to ninth amended charges under the AMLATFPUAA had no

ambiguity. The charge complied with the rules for drafting a charge as provided in ss 152 and 153 of the CPC. The first to ninth amended charges under the AMLATFPUAA were not defective. The lack of details as argued by the applicant was only more of an error and omission not making the charge defective. And the mistake and omission did not lead to failure of justice. The first to ninth amended charges under the AMLATFPUAA had given the applicant adequate notice of the matter he was charged with. There was no longer a need to state in what form and how the money was received. Section 91A of the AMLATFPUAA allowed a charge to be made by stating the gross amount in respect of the offense without specifying the details or the exact date provided that the time included between the first and last dates did not exceed twelve months. There was no basis to state that the tenth charge combined two different offenses. Nor was there a need to state either directly or indirectly in the tenth charge. Thus, the issue of the tenth charge was defective did not arise. Therefore, the first charge under the MACC Act, the first to ninth amended charges under the AMLATFPUAA and the tenth charge under the AMLATFA were not defective. The applicant's argument that the charge was defective was baseless (see paras 19–21, 23, 25, 27, 29 & 32).

(2) It could not be said that the money and Toyota Vellfire which were the subject matter of the first to ninth amended charges under the AMLATFPUAA and the tenth charge under the AMLATFA were derived from legitimate sources based solely on documents supplied by the prosecution to the applicant under s 51A of the CPC. Documentary evidence should be viewed on the basis of the case as a whole and it was wrong for the court to consider the document in isolation. It was premature at this stage for the court to rule that the first charge, the second charge and the third charge under the MACC Act, the first to ninth amended charges under the AMLATFPUAA and the tenth charge under the AMLATFA were unfounded. Therefore, the second ground had no merit (see paras 35–36 & 39).

(3) The applicant was unable to show that the prosecution against him was of a mala fide nature and an abuse of court process. There was no evidence to show that the public prosecutor had abused his discretionary power and the prosecution against the applicant was made in mala fide and abuse of court process. There was no evidence to suggest that the prosecution of the applicant constituted a political persecution and oppression. It could not be said that the prosecution conducted a witch hunt to link the applicant to an offense so that his reputation was affected. The prosecution of the applicant was not based on non-existent law. Thus, there was no abuse of justice, abuse of court process or any oppression (see paras 44–45 & 48).

(4) This case was not an appropriate and proper case for the court to exercise its existing power to set aside and quash the charges against the applicant and the applicant to be discharged and acquitted of the charges. The applicant failed to prove the prosecution against him was mala fide, oppressive and an abuse of court process (see para 49).]

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v PP [2014] 6 MLJ 831; [2014] 9 CLJ 289, MP (dirujuk)
Goh Keat Peng v PP [2001] 3 MLJ 172; [2001] 2 CLJ 498, MT (dibeza)
Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544, MA (dirujuk)
Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly & Ors v PP [2009] 4 MLJ 305; [2011] 5 CLJ 369, MR (dirujuk)
PP v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2018] 6 MLJ 37, MR (dirujuk)
PP v Yeoh Teck Chye and Lim Hong Pung & Anor v PP [1981] 2 MLJ 176, MP (dirujuk)
PP v Zainuddin & Anor [1986] 2 MLJ 100, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ss 2(1), 3(1), 4(1), (1)(a), (1)(b), 56, 91A
Akta Polis 1967 s 27(5)
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 16(a)(A)
Kanun Tatacara Jenayah ss 51A, 152, 153, 154, 156, 163, 173, 173(c), 376(1), 422
Perlembagaan Persekutuan perkara 145, 145(3)

Amer Hamzah bin Arshad (Marina bt Mohamed, Siti Suraya bt Abu Hassan, Mohd Rifahmi bin Abdul Musikin dan Sri Shazliza Sharme bt Mohd Sohaimi bersamanya) (AmerBON) bagi pihak pemohon.
Aslinda bt Hj Ahad (Nik Haslinie bt Hashim, Dona Liyana Sabariah bt Azmi dan Adam bin Mohamed @ Mamat bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Muhammad Jamil H:

[1] Pada 16 Januari 2019 Abdul Azeez bin Abdul Rahim ('pemohon') dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan tiga pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta SPRM') dan sembilan pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFPUAA'). Pemohon tidak mengaku salah kepada semua pertuduhan dan minta dibicarakan.

[2] Pada 19 Ogos 2020 perbicaraan di mahkamah sesyen bermula dengan pihak pendakwaan memanggil beberapa orang saksi. Pada 7 September 2020 pihak pendakwaan mengemukakan sembilan pertuduhan pindaan di bawah AMLATFPUAA dan satu pertuduhan tambahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Pemohon tidak mengaku salah kepada semua pertuduhan pindaan dan pertuduhan tambahan.

[3] Pada 14 Disember 2020 pemohon memfailkan notis usul (Kandungan 1) di mahkamah ini memohon perintah-perintah berikut:

(a) bahawa mahkamah yang mulia ini melaksanakan kuasa-kuasanya untuk mengeluarkan suatu perintah supaya kesemua pertuduhan dan pendakwaan jenayah terhadap pemohon di bawah s 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('MACCA') dan s 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA') di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Perbicaraan Jenayah No WA-62R-3–01 Tahun 2019 dan WA-62R-5–01 Tahun 2019 diketepikan (*set aside*) dan dibatalkan (*quashed*) serta merta;

(b) susulan dari itu bahawa mahkamah yang mulia ini memerintahkan agar pemohon dilepaskan dan dibebaskan; atau

(c) secara alternatifnya, bahawa suatu perintah penggantungan secara kekal (*permanent stay*) prosiding Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Perbicaraan Jenayah No WA-62R-3–01 Tahun 2019 dan WA-62R-5–01 Tahun 2019; dan

(d) sebarang perintah-perintah/relif-relif lanjut yang difikirkan wajar dan suai-manfaat.

[4] Pemohon mengikrarkan afidavit sokongan (Kandungan 2) pada 7 Disember 2020 untuk menyokong permohonannya dalam Kandungan 1.

[5] Responden memfailkan dua afidavit balasan masing-masing diikrarkan oleh pegawai SPRM Hazlina bt Rahmat (Kandungan 4) pada 6 Januari 2021 dan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adam bin Mohamad @ Mamat (Kandungan 5) pada 6 Januari 2021 menentang permohonan pemohon dalam Kandungan 1.

[6] Pemohon mengikrarkan afidavit jawapan (Kandungan 6) pada 12 Januari 2021 kepada afidavit balasan responden.

[7] Alasan-alasan permohonan sebagaimana dinyatakan pemohon dalam Kandungan 2 ialah:

(a) pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah detektif;

(b) pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah tidak berasas; dan

(c) pendakwaan terhadapnya adalah mala fide.

[8] Saya telah mendengar permohonan pemohon dalam Kandungan 1 pada 23 Februari 2021. Peguambela pemohon dan timbalan pendakwa raya ('TPR') memfailkan hujahan bertulis dan berhujah secara lisan di hadapan mahkamah ini.

[9] Saya telah membaca afidavit-afidavit yang difailkan pemohon dan responden. Saya telah menimbang hujahan peguambela pemohon dan TPR serta kes otoriti yang dirujuk.

[10] Seperti dihujahkan peguambela pemohon dan TPR, mahkamah ini mempunyai kuasa sedia ada (*inherent power*) untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan atau menggantung pertuduhan secara kekal. Walau bagaimanapun kuasa sedia ada mahkamah mestilah dilaksanakan dalam hal keadaan luar biasa (*exceptional circumstances*) bagi mengelakkan penindasan dan penyalahgunaan proses mahkamah (*Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 831; [2014] 9 CLJ 289). Mahkamah hanya akan melaksanakan kuasa sedia ada apabila terdapat salah laksana keadilan (*miscarriage of justice*) (*Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544).

[11] Setelah menyatakan prinsip undang-undang berkenaan kuasa sedia ada mahkamah, isu di hadapan saya ialah sama ada kes ini adalah kes yang sesuai dan wajar bagi mahkamah melaksanakan kuasa sedia ada untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan dan pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Ia banyak bergantung kepada fakta dan hal keadaan dan jelasnya mahkamah tidak boleh melaksanakan kuasa sedia ada berhubung mana-mana perkara yang diliputi oleh peruntukan khusus undang-undang atau pelaksanaannya akan melanggar mana-mana peruntukan khusus undang-undang (*Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v Public Prosecutor*).

[12] Pemohon telah dituduh dengan pertuduhan berikut:

(a) pertuduhan di bawah Akta SPRM:

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu, pada 8 Disember 2010, di CIMB Bank Cawangan Menara UAB, No 6, Jalan Tun Perak, City Centre, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai sejumlah RM1,200,000.00 melalui akaun CIMB Bank

Berhad nombor akaun 14140037378050 milik kamu daripada Mohammad Redzuan Mohanan bin Abdullah yang merupakan Pengarah Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu, membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek-projek (seperti di Lampiran A) daripada Kerajaan Malaysia secara rundingan terus dan tender terhad yang keseluruhannya bernilai RM197,805,750.18, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

LAMPIRAN A

1. Projek Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan;
2. Projek Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan (Fasa II);
3. Projek Membina Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan (Fasa 3); dan
4. Projek Membina Jalan Kampung Merbau Kudung/Felda Teloi Timur, Sik, Kedah (Reka & Bina)

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu, pada 13 Jun 2017, di Affin Bank Berhad, J-03-G, Blok J, Setiawalk, Persiaran Wawasan, Pusat Bandar Puchong, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai sejumlah RM2,000,000.00 daripada Mohammad Redzuan Mohanan bin Abdullah yang merupakan Pengarah Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu, membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan Projek Membina Lebuhraya Persisiran Pantai Baru: Kerja-Kerja Menaik taraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak Darul Ridzuan) secara tender terhad daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bernilai RM644,480,000.00 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu, pada 10 April 2018, di Affin Bank Berhad, J-03-G, Blok J, Setiawalk, Persiaran Wawasan, Pusat Bandar Puchong, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai sejumlah RM2,000,000.00 daripada Mohamad Redzuan Mohanan bin Abdullah yang merupakan Pengarah Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu, membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan Projek Membina Lebuhraya

Persisiran Pantai Baru: Kerja-Kerja Menaik taraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak Darul Ridzuan) secara tender terhad daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bernilai RM644,480,000.00 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

(b) pertuduhan di bawah AMLATFPUAA:

Pertuduhan pindaan pertama

Bahawa kamu, pada 6/9/2010 hingga 30/12/2010, di Maybank Islamic Berhad, 66, 68 & 70, Jalan Maarof Bangsar Baru, 59100 dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM50,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kedua

Bahawa kamu, pada 2/2/2011 hingga 30/12/2011 di Maybank Islamic Berhad, 66, 68 & 70, Jalan Maarof Bangsar Baru, 59100 dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan ketiga

Bahawa kamu, pada 2/2/2012 hingga 28/12/2012, di sekitar Lembah Klang telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM820,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan keempat

Bahawa kamu, di antara 2/2/2013 hingga 25/12/2013, di Affin Islamic Bank Berhad, Affin Bank Cawangan Central, Ground & Mezzanine Floor, 80, Menara Affin, Jalan Raja Chulan, 50788, dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil

daripada aktiviti haram berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kelima

Bahawa kamu, pada 30/1/2014 hingga 31/12/2014, di Affin Islamic Bank Berhad, Affin Bank Cawangan Central, Ground & Mezzanine Floor, 80, Menara Affin, Jalan Raja Chulan, 50788, dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan keenam

Bahawa kamu, pada antara 31/1/2015 hingga 31/12/2015, di Affin Islamic Bank Berhad, Affin Bank Cawangan Central, Ground & Mezzanine Floor, 80, Menara Affin, Jalan Raja Chulan, 50788, dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan ketujuh

Bahawa kamu, pada 3/2/2016 dan 30/12/2016, di sekitar Lembah Klang, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM4,199,985.25 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kelapan

Bahawa kamu, pada 31/1/2017 hingga 19/12/2017, di sekitar Lembah Klang, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM7,042,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang

demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kesembilan

Bahawa pada, pada 4/1/2018 hingga 30/8/2018, di sekitar Lembah Klang, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM842,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

(c) pertuduhan di bawah AMLATFA:

Pertuduhan kesepuluh

Bahawa kamu, pada 7 Mac 2012, bertempat di No 66A Jalan Kampung Attap, 50460 dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram, dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram iaitu sebuah kenderaan Toyota Vellfire, Nombor Pendaftaran Kenderaan QBA6 bernilai RM442,414.60 yang diperoleh daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

[13] Secara am tujuan suatu pertuduhan adalah untuk memaklumkan tertuduh kesalahan didakwa (*offence alleged*) terhadapnya dan untuk dia menyediakan pembelaan. Kaedah-kaedah untuk merangka suatu pertuduhan adalah diperuntukkan dalam ss 152 dan 153 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

[14] Seksyen 152 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

152(1) Every charge under this Code shall state the offence with which the accused is charged.

(2) If the law which creates the offence gives it any specific name the offence may be described in the charge by that name only.

(3) If the law which creates the offence does not give it any specific name so much of the definition of the offence must be stated as to give the accused notice of the matter with which he is charged.

(4) The law and section of the law against which the offence is said to have been committed shall be mentioned in the charge.

...

[15] Seksyen 153 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> 153 (1) The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom or the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.
>
> ...

[16] Saya telah baca secara terperinci pertuduhan terhadap pemohon iaitu pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA. Pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM adalah berkaitan kesalahan menerima suapan di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM (eksh 'AAR1' Kandungan 2). Saya perhatikan bahawa pertuduhan menyatakan bahawa pemohon telah secara rasuah menerima suapan bagi dirinya sebagai upah bagi dirinya kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar iaitu membantu Sykt Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek secara rundingan terus dan tender terhad/secara tender terhad daripada Kerajaan Malaysia/Kementerian Kerja Raya Malaysia. Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA adalah berkaitan kesalahan pengubahan wang haram di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA (eksh 'AAR2' Kandungan 2). Saya perhatikan bahawa pertuduhan menyatakan bahawa pemohon telah menerima hasil daripada aktiviti haram. Pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA adalah berkaitan kesalahan pengubahan wang haram di bawah s 4(1)(a) AMLATFA (eksh 'AAR2' Kandungan 2). Saya perhatikan bahawa pertuduhan menyatakan bahawa pemohon telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram.

[17] Saya sekarang menimbang alasan-alasan yang disandarkan pemohon dalam permohonan ini.

Alasan pertama: Pertuduhan defektif

[18] Hujahan peguambela pemohon:

(a) lampiran kepada pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM menyenaraikan empat projek berasingan dan berlainan antara satu sama lain. Pihak pendakwaan seharusnya mengemukakan empat pertuduhan berasingan dan menyatakan jumlah khusus suapan diterima pemohon bagi setiap satu projek. Pendekatan diambil pihak pendakwaan dalam menggabungkan keempat-empat projek dalam satu pertuduhan menjadikan pertuduhan defektif;

(b) pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA kekurangan butiran hingga ke tahap pertuduhan menjadi sangat kabur. Ini menghalang keupayaan pemohon untuk menjawab dan mengatur pembelaan yang efektif terhadap setiap satu pertuduhan. Butiran berkenaan dalam bentuk apa dan bagaimana wang diterima pemohon tidak dinyatakan. Begitu juga tarikh tepat bagi setiap kesalahan tidak dinyatakan, hanya tempoh antara tiga bulan hingga satu tahun. Seterusnya tempat kesalahan dilakukan bagi pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan yang dinyatakan secara am iaitu 'di sekitar Lembah Klang' menambahkan lagi kekaburan memandangkan ia meliputi suatu kawasan sangat besar, selain menimbulkan keraguan sama ada Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa tempatan untuk membicarakan kes;

(c) pertuduhan kesepuluh (di bawah AMLATFA) yang menggabungkan dua kesalahan berbeza, 'melibatkan diri dalam pengubahan wang haram' kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA dan 'memiliki hasil daripada aktiviti haram' kesalahan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA menjadikan pertuduhan detektif. Pertuduhan juga gagal menyatakan sama ada pemohon telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi membabitkan hasil daripada aktiviti haram yang mana ia berhubung dengan actus reus kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA itu sendiri; dan

(d) di samping itu pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh (di bawah AMLATFA) gagal menyatakan kesalahan predikat. Ini memprejudiskan pemohon dan pemohon terkeliru berkenaan aktiviti haram yang dirujuk pihak pendakwaan dalam pertuduhan.

[19] Pada pandangan saya, pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM tidak defektif. Memang benar lampiran kepada pertuduhan menyenaraikan empat projek berasingan dan berlainan antara satu sama lain. Walaupun digabungkan dalam satu pertuduhan tetapi suapan diterima adalah untuk empat projek tersebut. Begitu juga tarikh kesalahan, hanya satu iaitu pada 8 Disember 2010. Ini jelas menunjukkan satu kesalahan menerima suapan dilakukan yang mana suapan diterima adalah untuk empat projek tersebut. Ia bukan empat kesalahan menerima suapan dilakukan untuk empat projek tersebut. Tidak timbul isu *duplicity* atau *multiplicity*. Ia bukan kesalahan menerima suapan yang berasingan dan berlainan bagi setiap satu projek tersebut. Oleh itu, tiada pelanggaran s 163 KTJ yang memperuntukkan bahawa bagi setiap kesalahan yang berlainan, pertuduhan berasingan perlu dibuat. Kes *Goh Keat Peng v Public Prosecutor* [2001] 3 MLJ 172; [2001] 2 CLJ 498 yang dirujuk peguambela pemohon boleh dibezakan. Dalam kes itu pertuduhan gagal menyatakan dengan jelas dan secara khusus kesalahan yang mana di bawah

s 27(5) Akta Polis 1967 yang tertuduh dipertuduhkan. Tetapi bukan hal keadaan seperti itu dalam kes ini di hadapan saya. Dalam kes ini pertuduhan menyatakan dengan jelas dan secara khusus kesalahan yang mana tertuduh dipertuduhkan iaitu kesalahan menerima suapan dan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan tersebut iaitu di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM.

[20] Saya tidak setuju dengan hujahan peguambela pemohon bahawa pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA kekurangan butiran hingga ke tahap pertuduhan menjadi sangat kabur. Pada pandangan saya pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA tiada kekaburan. Pertuduhan mematuhi kaedah-kaedah untuk merangka suatu pertuduhan sebagaimana diperuntukkan dalam ss 152 dan 153 KTJ. Pertuduhan mengandungi butiran sebagaimana dikehendaki ss 152 dan 153 KTJ iaitu kesalahan yang mana pemohon dipertuduhkan iaitu kesalahan pengubahan wang haram menerima hasil daripada aktiviti haram dan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan tersebut iaitu di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA serta waktu dan tempat kesalahan dilakukan. Pertuduhan telah memberi pemohon notis mencukupi perkara yang dia dipertuduhkan dan pemohon berupaya untuk menyediakan pembelaannya. Pertuduhan bukan dirangka dengan cara yang boleh mengelirukan atau memprejudiskan pemohon, hingga ke tahap dia tidak boleh mengemukakan pembelaan sewajarnya. Pemohon tidak menunjukkan bagaimana dia terkeliru atau diprejudiskan.

[21] Pada pandangan saya pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA tidak defektif. Kekurangan butiran sebagaimana dihujahkan peguambela pemohon iaitu tidak menyatakan berkenaan dalam bentuk apa dan bagaimana wang diterima pemohon, tidak menyatakan tarikh tepat dan menyatakan tempat kesalahan dilakukan secara am iaitu di sekitar Lembah Klang (bagi pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan) hanya lebih kepada kesilapan dan ketinggalan bukan menjadikan pertuduhan defektif. Bagaimanapun berdasarkan s 156 KTJ apa yang penting bukan kesilapan dan ketinggalan dalam pertuduhan tetapi sama ada kesilapan dan ketinggalan tersebut menyebabkan pemohon terkeliru (*misled*). Seksyen 156 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> 156 No error in stating either the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission.

[22] Pemohon tidak menunjukkan bagaimana dia terkeliru atau

diprejudiskan oleh kesilapan dan ketinggalan dalam butiran pertuduhan menyebabkan dia tidak boleh mengemukakan pembelaan sewajarnya. Sebagaimana dinyatakan Mahkamah Rayuan dalam *Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly & Ors v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 305; [2011] 5 CLJ 369 kesilapan dan ketinggalan dalam pertuduhan hanya ketidak aturan yang boleh dipulihkan di bawah s 422 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> 422 Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:
>
> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial, or in any inquiry or other proceedings under this Code;
>
> (b) the want of any sanction; or
>
> (c) the improper admission or rejection of any evidence, unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice.

[23] Dan kesilapan dan ketinggalan itu tidak menyebabkan kegagalan keadilan (*failure of justice*). Seterusnya semasa perbicaraan pihak pendakwaan boleh membuat pindaan pada pertuduhan. Dengan kebenaran mahkamah, pihak pendakwaan berhak untuk meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan (*Public Prosecutor v Yeoh Teck Chye and Lim Hong Pung & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 176). Pihak pendakwaan jika berhasrat boleh meminda pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA untuk memasukkan butiran yang difikirkan perlu dan wajar.

[24] Berhubung dengan butiran dalam bentuk apa dan bagaimana wang diterima pemohon, saya telah menyentuhnya sebagaimana di perenggan 20 dan 21. Saya juga ingin menyatakan bahawa bagi kes jenis ini butiran yang disebutkan dalam ss 152 dan 153 KTJ telah memberi pemohon notis mencukupi perkara yang dia dipertuduhkan. Butiran berkenaan cara kesalahan dilakukan yang disebutkan dalam s 154 KTJ hanya perlu dinyatakan dalam pertuduhan apabila butiran yang disebutkan dalam ss 152 dan 153 KTJ tidak memberi pemohon notis mencukupi perkara yang dia dipertuduhkan. Seksyen 154 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> 154 When the nature of the case is such that the particulars mentioned in sections 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matter with which he is charged, the charge shall also contain such particulars of the manner in which the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose.

[25] Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA menyatakan pemohon telah menerima hasil

daripada aktiviti haram sejumlah wang. Pada pandangan saya ia telah memberi pemohon notis mencukupi perkara yang dia dipertuduhkan. Tiada lagi keperluan untuk menyatakan dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima sebagai contoh wang tunai atau cek dan sama ada diserahkan kepada pemohon secara tangan atau didepositkan ke dalam mana-mana akaun bank milik pemohon atau orang lain. Dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima pemohon boleh dikemukakan melalui keterangan saksi-saksi semasa perbicaraan. Adalah bagi pihak pendakwaan untuk mengemukakan keterangan sewajarnya berkenaan dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima pemohon.

[26] Berhubung dengan tarikh tepat setiap kesalahan tidak dinyatakan, hanya tempoh antara tiga bulan hingga satu tahun saya telah menyentuhnya sebagaimana di perenggan 20 dan 21. Saya juga merujuk kepada s 91A AMLATFPUAA yang berkuatkuasa pada 8 Ogos 2014 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 91A When a person is charged with an offence under this Act, it shall be sufficient to specify the gross sum in respect of which the offence is alleged to have been committed and the dates between which the offence is alleged to have been committed, without specifying particular items or exact dates, and the charge so framed shall be deemed to be a charge of one offence within the meaning of section 164 of the Criminal Procedure Code provided that the time included between the first and last of such dates shall not exceed twelve months.

[27] Menurut s 2(1) AMLATFPUAA, Akta ini terpakai bagi mana-mana kesalahan dinyatakan sama ada dilakukan sebelum atau selepas tarikh kuatkuasa. Seksyen 91A membenarkan pertuduhan dibuat dengan menyatakan jumlah kasar berkenaan kesalahan itu tanpa menyatakan butiran terperinci atau tarikh tepat dengan syarat waktu yang termasuk antara tarikh pertama dan terakhir itu tidak melebihi 12 bulan. Ini sekaligus menjawab hujahan peguambela pemohon berkenaan pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA yang tidak menyatakan tarikh tepat, hanya tempoh antara tiga bulan hingga satu tahun.

[28] Hujahan peguambela pemohon bahawa pertuduhan kesepuluh (di bawah AMLATFA) defektif atas alasan ia menggabungkan dua kesalahan berlainan 'melibatkan diri dalam pengubahan wang haram' kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA dan 'memiliki hasil daripada aktiviti haram' kesalahan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA dan gagal menyatakan sama ada pemohon telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi membabitkan hasil daripada aktiviti haram adalah tersasar. Hujahan peguambela pemohon mungkin mempunyai merit jika pertuduhan terhadap pemohon adalah di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA. Tetapi pertuduhan kesepuluh terhadap pemohon adalah di bawah s 4(1)(a) AMLATFA dan bukan

di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA. Seksyen 4(1) AMLATFA memperuntukkan dua kategori kesalahan pengubahan wang haram sebagaimana perenggan (a) atau (b). Seksyen 4(1) AMLATFPUAA memperuntukkan empat kategori kesalahan pengubahan wang haram sebagaimana perenggan (a), (b), (c) atau (d). Seksyen 4(1) AMLATFA memperuntukkan kesalahan pengubahan wang haram. Seksyen 4(1) AMLATFA menyatakan seperti berikut:

> 4(1) Any person who:
>
> (a) engages in, or attempts to engage in; or
>
> (b) abets the commission of,
>
> money laundering, commits an offence and ...

[29] Pemohon dituduh 'telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram iaitu ...' suatu kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFA. Ia adalah suatu kesalahan dan bukan dua kesalahan berlainan. Tiada asas untuk menyatakan bahawa pertuduhan kesepuluh menggabungkan dua kesalahan berlainan. Seterusnya s 4(1)(a) AMLATFA tidakpun menggunakan perkataan secara langsung atau tidak langsung. Maka tiada keperluan untuk menyatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pertuduhan kesepuluh. Justeru tidak timbul isu pertuduhan kesepuluh adalah defektif.

[30] Bagi pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA pemohon dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram iaitu menerima hasil daripada aktiviti haram di bawah s 4(1)(b). Bagi pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA pemohon dituduh melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram di bawah s 4(1)(a). Pemohon adalah dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram dan bukan kesalahan serius (kesalahan predikat). Kesalahan pengubahan wang haram merupakan suatu kesalahan yang boleh berdiri dengan sendiri. Teras kesalahan pengubahan wang haram adalah berkenaan hasil daripada aktiviti haram dan bukan kesalahan serius itu sendiri. Ini boleh dilihat daripada takrif kesalahan pengubahan wang haram dalam s 4(1), takrif aktiviti haram dan takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) AMLATFPUAA (bagi pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan); takrif pengubahan wang haram, takrif aktiviti haram dan takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) AMLATFA (bagi pertuduhan kesepuluh).

[31] Aktiviti haram di bawah AMLATFPUAA bermaksud sebarang aktiviti yang mana menjadi apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing atau yang mengakibatkan atau membawa kepada pelakuan apa-apa

kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing dan hasil daripada aktiviti haram bermaksud apa-apa harta atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu yang berada di dalam atau di luar Malaysia yang mana keseluruhan atau sebahagian diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana orang daripada sebarang aktiviti haram atau daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta itu. Aktiviti haram di bawah AMLATFA bermaksud sebarang aktiviti yang mana berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing dan hasil daripada aktiviti haram bermaksud apa-apa harta berasal atau diperoleh secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana orang akibat daripada sebarang aktiviti haram. Kes *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2018] 6 MLJ 37 yang dirujuk peguambela pemohon adalah berkenaan prosiding pelucuthakan di bawah s 56 AMLATFA di mana Mahkamah Rayuan menyatakan keperluan untuk membuktikan kesalahan predikat (kesalahan serius) dan hubungan antara hasil yang berasal daripada kesalahan predikat dan harta yang ingin dilucuthak. Dalam apa jua keadaan adalah bagi pihak pendakwaan untuk kemukakan keterangan sewajarnya semasa perbicaraan berkenaan kesalahan serius (kesalahan predikat). Tiada keperluan untuk menyatakan kesalahan serius (kesalahan predikat) dalam pertuduhan. Tidak timbul isu pemohon diprejudiskan atau terkeliru berkenaan aktiviti haram yang dirujuk pihak pendakwaan dalam pertuduhan.

[32] Saya dapati pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA tidak defektif. Hujahan peguambela pemohon bahawa pertuduhan tersebut defektif adalah tanpa asas.

Alasan kedua: Pertuduhan tidak berasas

[33] Hujahan peguambela pemohon:

(a) pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM adalah tidak berasas. Pertuduhan tidak mendedahkan sebarang kesalahan rasuah oleh pemohon. Bukan suatu kesalahan untuk mendapatkan projek-projek kerajaan. Pemohon tidak memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan dan pertuduhan tidak menunjukkan pemohon telah menggunakan kedudukannya. Dakwaan bahawa pemohon 'telah membantu Sykt Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek ...' dengan sendirinya tidak terjumlah kepada sebarang perbuatan menyalahi undang-undang atau terlarang;

(b) pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh (di bawah

AMLATFA) adalah tidak berasas. Wang dan Toyota Vellfire yang menjadi hal perkara pertuduhan adalah berasal daripada sumber sah;

(c) laporan analisa kewangan, perbandingan pendapatan dan perbelanjaan bertarikh 1 April 2019 (eksh 'AAR4') dan rekod daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (eksh 'AAR5') yang dibekalkan oleh pihak pendakwaan kepada pemohon di bawah s 51A KTJ mengesahkan pemohon telah dilantik sebagai *advisor* Sykt Menuju Asas Sdn Bhd dan dibayar gaji bulanan serta menunjukkan sesungguhnya pemohon adalah pekerja Sykt Menuju Asas Sdn Bhd dan dibayar gaji bulanan dari mana potongan cukai bulanan dibuat. Pihak pendakwaan adalah dihalang (*estopped*) daripada menafikan fakta bahawa sesungguhnya pemohon ialah seorang *advisor* sah dan pekerja Sykt Menuju Asas Sdn Bhd.

[34] Pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM mendedahkan bahawa pemohon dituduh melakukan kesalahan rasuah di bawah s 16(a)(A) iaitu menerima suapan. Pertuduhan menyatakan bahawa pemohon telah menerima suapan bagi dirinya sebagai upah bagi dirinya kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar iaitu membantu Sykt Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek secara rundingan terus dan tender terhad/secara tender terhad daripada Kerajaan Malaysia/Kementerian Kerja Raya Malaysia.

[35] Tidak boleh dikatakan bahawa wang dan Toyota Vellfire yang menjadi hal perkara pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA adalah berasal daripada sumber sah dengan hanya berdasarkan kepada dokumen semata-mata yang telah dibekalkan oleh pihak pendakwaan kepada pemohon di bawah s 51A KTJ (eksh 'AAR4' dan eksh 'AAA5' Kandungan 2). Keterangan dokumentar harus dilihat berdasarkan kes secara keseluruhan dan adalah salah untuk mahkamah menimbang dokumen tersebut secara satu-satunya (*in isolation*). Seperti dihujahkan TPR terpulang kepada pihak pendakwaan sama ada mereka ingin mengemukakan atau tidak dokumen tersebut sebagai keterangan dan dokumen tersebut bukan satu keterangan sahaja tetapi berasaskan kepada semua keterangan. Pihak pendakwaan tidak seharusnya dihalang daripada mengemukakan keterangan relevan dan boleh diterima semasa perbicaraan melalui saksi-saksi untuk membuktikan kesnya.

[36] Adalah pramatang di peringkat ini untuk mahkamah memutuskan bahawa pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA tidak berasas.

[37] Pemohon tidak mengaku salah kepada semua pertuduhan tersebut dan minta dibicarakan. Oleh itu adalah bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan kesnya terhadap pemohon. Beban terletak pada pihak pendakwaan untuk membuktikan kesalahan sebagaimana pertuduhan yang dikemukakan terhadap pemohon. Adalah bagi pihak pendakwaan untuk mengemukakan keterangan yang difikirkan perlu dan wajar bagi membuktikan kesalahan sebagaimana pertuduhan yang dikemukakan terhadap pemohon.

[38] Oleh kerana pemohon tidak mengaku salah kepada pertuduhan, selaras dengan peruntukan s 173(c) KTJ, mahkamah sesyen hendaklah meneruskan mengambil semua keterangan yang dikemukakan bagi menyokong pihak pendakwaan. Perbicaraan terhadap pemohon di mahkamah sesyen adalah di bawah s 173 KTJ yang menetapkan prosedur dalam perbicaraan terus. Keterangan boleh dikemukakan untuk membuktikan kes pihak pendakwaan atas dasar prima facie dan kemudian melampaui keraguan munasabah. Mahkamah sesyen sebagai mahkamah perbicaraan mempunyai kewajipan untuk menimbang semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya. Adalah bagi mahkamah sesyen untuk membuat dapatan fakta setelah menimbang semua keterangan sama ada suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap pemohon dan kemudian jika pembelaan dipanggil sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap pemohon melampaui keraguan munasabah.

[39] Saya dapati alasan kedua tidak mempunyai merit.

Alasan ketiga: Pendakwaan mala fide

[40] Hujahan peguambela pemohon:

(a) pendakwaan terhadap pemohon adalah didorong politik, dimulakan dengan niat jahat dan oleh itu merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah;

(b) sifat pendakwaan mala fide dan penindasan terhadap pemohon dapat diperhatikan daripada permulaan proses siasatan lagi. Pada 22 Mei 2018 rumah pemohon diserbu dan tiada pernyataan direkodkan daripadanya. Kemudian pada 25 September 2018 pemohon ditangkap dan direman sehingga 5 Oktober 2018. Dalam prosiding reman SPRM memberi gambaran bahawa mereka berhasrat membawa pemohon ke beberapa lokasi untuk membuat sitaan harta lain tetapi ini tidak dilakukan. Tidak terdapat keperluan pemohon direman dan ditahan dalam lokap;

(c) daripada laporan media siasatan SPRM terhadap pemohon adalah berkaitan dengan Tabung Haji. Bagaimanapun pertuduhan terhadap pemohon bukan berkaitan dengan Tabung Haji tetapi sebaliknya

berkaitan Sykt Menuju Asas Sdn Bhd. Fakta bahawa SPRM mengalihkan perhatian kepada Sykt Menuju Asas Sdn Bhd menunjukkan bahawa mereka melakukan satu *witch hunt* hanya untuk mengaitkan pemohon dengan sesuatu kesalahan supaya reputasi pemohon terjejas;

(d) pemohon pada asalnya dituduh dengan sembilan pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan jumlah RM139,416,664.85. Pertuduhan kemudiannya dipinda kepada jumlah yang lebih kecil daripada jumlah asal iaitu RM3,876,399.65. Ditambah dengan fakta bahawa pertuduhan adalah defektif dan tidak berasas ini boleh dibuat inferens bahawa pihak pendakwaan tidak menumpukan fikirannya sama ada pertuduhan boleh dipertahankan sebelum keputusan untuk menuduh pemohon dibuat; jumlah dengan sengaja dipertingkatkan untuk memberi kesan negatif bahawa pemohon terbabit dalam kesalahan pengubahan wang haram melibatkan ratusan juta ringgit; siasatan tidak lengkap pada waktu pemohon dituduh; dan terdapat penyalahgunaan kuasa di pihak SPRM dan pihak pendakwaan kerana kuasa untuk menyiasat dan menuduh pemohon dilaksanakan secara sembarangan;

(e) tindakan pihak pendakwaan meminda sembilan pertuduhan asal di bawah AMLATFPUAA adalah menyalahi undang-undang dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Pindaan yang dibuat pihak pendakwaan sebenarnya adalah satu penggantian (*substitution*) kesalahan yang dipertuduhkan. Langkah sepatutnya diambil pihak pendakwaan ialah untuk menarik balik pertuduhan asal dan mengemukakan pertuduhan baharu terhadap pemohon. Dengan meminda pertuduhan pihak pendakwaan telah menyekat hak pemohon untuk dilepaskan dan dibebaskan daripada kesalahan dalam pertuduhan asal; dan

(f) meskipun butiran *malice* dan penyalahgunaan proses ditegaskan dalam afidavit sokongan pemohon, tidak terdapat penegasan khusus yang dibuat pihak pendakwaan dengan memberikan penjelasan yang boleh dipercayai. Sebaliknya afidavit jawapan yang difailkan pihak pendakwaan hanya mengandungi penafian semata-mata terhadap dakwaan yang dibuat pemohon.

[41] Pemohon menegaskan di dalam Kandungan 2 bahawa pendakwaan terhadapnya adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah dengan memberikan butirannya. Responden menafikan di dalam Kandungan 5 keseluruhan penyataan pemohon. Beban terletak pada pemohon untuk membuktikan bahawa pendakwaan terhadapnya adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah.

[42] Seksyen 376(1) KTJ memberi kuasa kepada peguam negara yang juga pendakwa raya untuk mengawal dan memberi arahan dalam semua pendakwaan dan prosiding jenayah, sementara perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa peguam negara hendaklah mempunyai kuasa yang dilaksanakan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan (*Public Prosecutor v Zainuddin & Anor* [1986] 2 MLJ 100).

[43] TPR menafikan pertuduhan terhadap pemohon adalah mala fide dan berhujah pendakwa raya tidak menyalahguna kuasa di bawah perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan s 376 KTJ. SPRM telah membuat siasatan secara lengkap dan keterangan yang diperoleh dari siasatan telah cukup untuk menidakkan (*negate*) bahawa pertuduhan terhadap pemohon adalah mala fide.

[44] Pemohon tidak dapat menunjukkan bahawa pendakwaan terhadapnya adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Pemohon gagal mengemukakan sebarang keterangan yang boleh menyokong dakwaannya sebagaimana dalam Kandungan 2. Pemohon gagal menunjukkan bagaimana pendakwaan terhadapnya yang dibuat menurut undang-undang iaitu di bawah Akta SPRM, AMLATFPUAA dan AMLATFA adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwa raya telah menyalahguna kuasa budi bicaranya dan pendakwaan terhadap pemohon dibuat secara mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwaan terhadap pemohon adalah merupakan suatu penganiayaan politik dan penindasan.

[45] Siasatan SPRM terhadap pemohon adalah berkaitan dengan Tabung Haji dan pertuduhan terhadap pemohon bukan berkaitan dengan Tabung Haji tetapi sebaliknya berkaitan dengan Sykt Menuju Asas Sdn Bhd pada pandangan saya tidak boleh dikatakan bahawa pihak pendakwaan melakukan satu *witch hunt* untuk mengaitkan pemohon dengan sesuatu kesalahan supaya reputasinya terjejas. Sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 42 pendakwa raya mempunyai kuasa di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang dilaksanakan menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan. Adalah bagi pendakwa raya dalam melaksanakan kuasa budi bicaranya untuk memulakan pendakwaan terhadap pemohon di bawah peruntukan undang-undang yang dia fikirkan wajar.

[46] TPR berhujah bahawa pihak pendakwaan membuat pindaan sewajarnya terhadap pertuduhan pertama hingga pertuduhan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dengan kebenaran mahkamah dan tanpa sebarang bantahan daripada peguambela yang mewakili pemohon dalam perbicaraan di

mahkamah sesyen. Pemohon sekarang tidak boleh mengatakan bahawa tindakan pihak pendakwaan meminda sembilan pertuduhan tersebut adalah menyalahi undang-undang dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Dalam apa jua keadaan, dengan kebenaran mahkamah pihak pendakwaan berhak untuk meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan (*Public Prosecutor v Yeoh Teck Chye and Lim Hong Pung & Anor v Public Prosecutor*).

[47] Pendakwaan terhadap pemohon adalah menurut undang-undang iaitu di bawah Akta SPRM, AMLATFPUAA dan AMLATFA. Pendakwa raya melaksanakan kuasanya di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan prosiding bagi kesalahan di bawah Akta SPRM, AMLATFPUAA dan AMLATFA terhadap pemohon. Perkara berkenaan pendakwaan terhadap pemohon dan pendakwa raya melaksanakan kuasanya adalah diliputi oleh peruntukan khusus undang-undang. Mahkamah tidak boleh melaksanakan kuasa sedia ada berhubung perkara yang diliputi oleh peruntukan khusus undang-undang atau pelaksanaannya akan melanggar peruntukan khusus undang-undang itu (*Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v Public Prosecutor*).

[48] Pendakwaan terhadap pemohon bukan berdasarkan kepada undang-undang yang tidak wujud. Pendakwaan terhadap pemohon adalah menurut undang-undang iaitu di bawah Akta SPRM, AMLATFPUAA dan AMLATFA. Justeru tidak terdapat salah laksana keadilan, penyalahgunaan proses mahkamah mahupun sebarang penindasan.

[49] Pada pandangan saya kes ini bukan kes yang sesuai dan wajar bagi mahkamah melaksanakan kuasa sedia ada untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan terhadap pemohon dan pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Pemohon gagal membuktikan pendakwaan terhadapnya adalah mala fide, menindas dan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[50] Permohonan pemohon dalam Kandungan 1 adalah ditolak.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh